

Oleh MOHD. IZANI MOHD. ZAIN



Tuah demokrasi Malaysia

KURANG dua minggu lagi, kita akan menyambut hari kemerdekaan negara yang ke-62. Semalam, negara jiran, Indonesia meraikan kemerdekaan mereka yang ke-74. Lebih awal, Singapura pada 9 Ogos lalu dengan usia kemerdekaan ke-54. Sambutan kemerdekaan seringkali mengingatkan kita tentang perjuangan, nikmat kemerdekaan dan pencapaian yang diperoleh selepas negara bebas daripada cengkaman penjajah. Menyentuh soal pencapaian dan kemajuan negara pasca kemerdekaan, banyak pihak melihat dan menganalisis hal ini dalam pelbagai dimensi.

Salah satu aspek penting dalam konteks kemajuan negara adalah demokrasi dan penyertaan politik. Perkembangan mutakhir ini secara jelas menunjukkan Malaysia banyak berubah dan melangkah menjadi sebuah negara demokrasi yang lebih baik. Kirakira sebulan lalu, Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Pindaan Perlembagaan Malaysia ini satu detik sejarah kerana pihak kerajaan dan pembangkang bersepakat menyokong usul ini dengan undian majoriti lebih dua pertiga.

Majoriti rakyat Malaysia menyambut berita ini dengan hati terbuka. Meskipun ada pihak sangsi dengan kemampuan anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) membuat pilihan menentukan kerajaan secara bijak dan bebas, penurunan had umur ini tidak boleh lagi dilengahkan bagi meningkatkan akses dalam demokrasi. Dalam kalangan negara ASEAN, hanya Singapura masih kekal dengan umur mengundi 21 tahun. Kini, Malaysia bersama lebih 90 peratus negara lain di dunia menetapkan had umur mengundi 18 tahun.

Penurunan had umur mengundi 18 tahun ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan memperkasa penyertaan politik dalam kalangan orang muda. Sebelum itu, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)

MALAYSIA KITA

Maro



dipinda beberapa kali sama ada dalam era kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) bagi memberi hak berpolitik kepada orang muda.

AUKU mengalami enam kali pindaan, iaitu pada 1971, 1975, 1983, 1996, 2009 dan 2012. Pindaan AUKU pada 2012 misalnya, tidak lagi menyekat mahasiswa berpolitik apabila mereka dibenarkan terlibat dalam aktiviti dan parti politik di luar kampus. Walau bagaimanapun, pindaan itu sama sekali tidak akan mengganggu keharmonian kampus sebagai entiti bebas politik kepartian. Malah, kampus diyakini perlu kekal neutral kerana matlamat pendidikan perlu dipelihara untuk melahirkan mahasiswa yang dapat memperluaskan ufuk fikir, membina minda dan keupayaan intelektual.

Terkini, AUKU sekali lagi dipinda pada akhir 2018 lalu dan membenarkan pelajar berpolitik dalam kampus. Pindaan itu membatalkan pemansuhan Seksyen 15(2)(c) AUKU yang menghalang mahasiswa terlibat dalam kegiatan politik dalam kampus, sekali gus memberi lebih banyak ruang dan kebebasan bersuara serta berpolitik.

“**Hak dan kebebasan yang dimiliki pelajar muda mesti dipertanggungjawabkan. Ahli akademik (pensyarah) pun belum tentu mendapat hak dan kebebasan seumpama ini kerana terikat dengan akta dan peraturan universiti. Kekangan ini mewujudkan andaian suara pelajar kini lebih penting dan dialu-alukan berbanding pendapat ahli akademik.**”

Semua perkembangan ini menggambarkan, demokrasi dan kebebasan berpolitik semakin terbuka luas kepada anak muda. Berbeza dengan era pelajar dan orang muda sebelum ini, demokrasi dan kebebasan berpolitik adalah sebuah perjuangan. Gerakan pelajar pasca AUKU 1971 memperlihatkan kepada kita bahawa mereka sanggup menanggung risiko semata-mata untuk mendapatkan hak berpolitik dengan lebih terbuka. Mereka berdemonstrasi dan membuat bantahan memperjuangkan hak berpolitik dan kebebasan bersuara meskipun perlu menempuh ranjau dan duri.

Sewaktu penulis masih belajar di sebuah universiti awam 20 tahun lalu, kebebasan berpolitik masih terbatas. Misalnya, sekadar menunjukkan simpati kepada mana-mana parti politik dianggap satu kesalahan di bawah AUKU. Apatah lagi, memberi sokongan secara terbuka kepada mana-mana parti politik. Speaker Corner yang sangat sinonim dengan kebebasan bersuara pelajar menjadi antara tuntutan utama sebelum media sosial wujud. Di situlah, pelajar berhimpun dan bersuara tentang apa-apa isu

penting agar didengari oleh pihak bertanggungjawab. Kini Speaker Corner diperkenalkan semula namun pelajar lebih gemar bersuara dalam media sosial kerana ia dianggap lebih bebas dan mudah.

Pelajar dan anak muda sekarang sangat beruntung kerana demokrasi, kebebasan bersuara dan hak berpolitik bukan lagi satu perkara yang perlu diperjuangkan. Mereka kini diberikan nikmat, hak dan kebebasan yang ketika dahulu dianggap satu perkara tabu dan mustahil.

Hak dan kebebasan yang dimiliki pelajar mesti dipertanggungjawabkan. Ahli akademik (pensyarah) pun belum tentu mendapat hak dan kebebasan seumpama ini kerana terikat dengan akta dan peraturan universiti. Kekangan ini mewujudkan andaian suara pelajar kini lebih penting dan dialu-alukan berbanding pendapat ahli akademik. Demokrasi, hak berpolitik dan kebebasan bersuara orang muda perlu disandarkan kepada ilmu dan literasi politik yang kukuh.

Di sebalik keriuhan dan kegembiraan rakyat Malaysia meraikan penurunan had umur mengundi 18 tahun, ahli parlimen yang berbahas pada 16 Julai lalu turut menzahirkan kebimbangan jika hak ini tidak dipertanggungjawabkan.

Sehingga seorang ahli parlimen mencadangkan agar rakyat Malaysia berumur 18 tahun bukan sahaja didaftarkan secara automatik sebagai pengundi, tetapi diwajibkan mengundi. Namun, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menolak cadangan itu. Banyak nikmat demokrasi, hak dan kebebasan telah diberikan kepada anak muda tanpa mereka perjuangkannya. Harga sebuah demokrasi di negara lain mungkin sangat mahal, tetapi di negara ini, jangan sampai harga itu boleh dilelong sehingga menurunkan nilai demokrasi itu sendiri.

■ **PENULIS** ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan juga anak kelahiran merdeka pada 31 Ogos.